

Strategi pertumbuhan ekonomi berdaya saing

UM 19 FEB 2003

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Strategi pendekatan ekonomi yang akan diumumkan penghujung bulan depan bertujuan menjadikan pertumbuhan ekonomi Malaysia lebih berdaya saing dalam menghadapi perkembangan global.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, strategi berkenaan melibatkan garis panduan mengenai sistem dan prosedur ekonomi negara yang lebih anjal dan mesra pelabur.

Ia akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan laporan tahunannya pada 26 Mac ini.

Antara sektor-sektor yang diberi perhatian ialah pelaburan langsung asing, pelaburan dalam negara serta mengenal pasti peluang-peluang

yang dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan bagi persidangan tahunan kelima Panduan Strategik 2003 anjuran Dewan Perniagaan Malaysia dan Amerika Syarikat (Amcham) di sini, hari ini.

Dalam ucapannya, Mustapa berkata, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang baik pada tahun lalu.

"Bagaimanapun, Malaysia tidak harus berasa selesa dengan keadaan tersebut kerana perkembangan ekonomi pada peringkat global juga sering berubah," kata beliau.

Oleh itu pelan berkenaan dirangka bagi mengga-

ris strategi untuk mengekalkan serta memperbaiki prestasi berkenaan, tambahnya.

Mengenai pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2003, Mustapa berkata, ia sukar diramalkan lebih lagi dengan kemungkinan berlakunya serangan ke atas Iraq.

Menyentuh mengenai peralihan kepimpinan negara daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata, proses berkenaan tidak akan mengakibatkan sebarang perubahan kepada dasar ekonomi negara.

"Semua polisi dan sistem perdagangan dan perniagaan akan dikekalkan," tambahnya.

Mustapa juga memak-

lumkan kepada ahli Amcham mengenai peranan MTEN yang menjadi penasihat kepada sektor kerajaan dan swasta.

Katanya, MTEN mengadakan perjumpaan pada setiap dua minggu sekali bagi membincangkan perkembangan senario ekonomi negara dan antarabangsa.

Sementara itu, Presiden Amcham, Tim Garland berkata, beliau berharap aspek keselamatan di Malaysia dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

"Ini kerana isu berhubung soal keselamatan dan kestabilan memberi pengaruh yang semakin kuat kepada perkembangan ekonomi di serata dunia," katanya lagi.